



**KENYATAAN TAWARAN SEBUT HARGA
MAJLIS PERBANDARAN LANGKAWI BANDARAYA PELANCONGAN
PELUPUSAN ASET ALIH
(PELUPUSAN 59 UNIT KENDERAAN RAMPASAN TIDAK DITUNTUT SECARA JUALAN SISA)**

RUJUKAN SEBUT HARGA : MPLBP/SBT/01/2022

BERTARIKH : 04 Januari 2022

1. Sebut Harga adalah dipelawa kepada syarikat atau orang perseorangan berkelayakan yang berdaftar dengan **Kementerian Kewangan Malaysia** dalam Kod Bidang Bekalan/Perkhidmatan **221901 (Membeli Barang Lusuh Tanpa Permit)** yang berkaitan yang masih sah laku 3 bulan dari tamat tempohnya untuk membuat tawaran pembelian aset tersebut.
2. Dokumen Sebut Harga boleh dilihat, dimuat turun dan dicetak **SECARA PERCUMA** melalui laman web <http://www.mplbp.gov.my> mulai :-
 - a) Tarikh Dokumen Boleh Didapati : **Mulai 04 Januari 2022 Hingga 18 Januari 2022**
 - b) Aset boleh Dilihat : **Mulai 09 Januari 2022 hingga 18 Januari 2022**
 - c) Lokasi : **Setor Tahanan Penguatkuasa, Belanga Pechah, MPLBP**
3. Dokumen tawaran yang telah dipenuhi dengan sempurna, hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat yang berlakri dan bertulis No. Sebut Harga pada bahagian atas kiri sampul surat yang di alamatkan kepada **Tuan Yang Dipertua, Majlis Perbandaran Langkawi Bandaraya Pelancongan, 07000 Kuah, Langkawi, Kedah D.A.** serta di hantar dan dimasukkan kedalam Peti Sebut Harga yang disediakan tidak lewat daripada jam **12.00 TENGAHARI** pada **18 JANUARI 2022**.
4. Pihak Majlis tidak terikat untuk menerima mana-mana tawaran yang terendah atau mana-mana tawaran yang ditolak atas apa jua sebab serta tidak bertanggungjawab atas segala kos perbelanjaan berkaitan atas sebut harga ini.
5. Dokumen tawaran yang lewat diserahkan selepas tarikh dan masa yang ditetapkan berbangkit dari apa jua sebab kegagalan penyebutharga mematuhi syarat tidak akan dilayan dan segala bayaran yang telah dibuat tidak akan dikembalikan.
6. Jika dokumen tawaran sebut harga dihantar dengan menggunakan perkhidmatan pos berdaftar/kurier, penyebutharga hendaklah memastikan dokumen tersebut sampai kepada dalam tempoh yang telah ditetapkan. Sebarang kelewatan yang timbul dalam urusan tersebut tidak akan dilayan.
7. Penyebutharga hendaklah dalam apa jua keadaan sekalipun wajib mematuhi **SOP Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dan Pelan Pemulihan Negara (PPN)** yang berkuatkuasa ketika ini.

Sekian, terima kasih.

**“WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030”
“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”
“KEDAH SEJAHTERA - NIKMAT UNTUK SEMUA”**

Saya yang menjelankan amanah,

(NOORUL AZYYAT BINTI AHMAD SALMI.,BCK.)

Setiausaha

b.p : Yang Dipertua
Majlis Perbandaran Langkawi
Bandaraya Pelancongan